

# Ahmad Sarji bertindak jika

# PM tunggu

Oleh G. MANIMARAN  
dan AZIZAN HASHIM

**K**UALA LUMPUR 21 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengemukakan laporan lengkap berhubung kebakaran stesen radar Bukit Subang 13 Ogos lalu, yang membayangkan langkah serius kerajaan menangani isu itu sehingga ke akar umbi.

Serentak itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji pula dalam kenyataan berasingan menegaskan, tindakan akan diambil ke atas kakitangan DCA jika terbukti kecuaiannya mereka menjadi punca kebakaran sistem radar itu.

Dr. Mahathir dalam reaksi terbarunya itu berkata, walau apapun berlaku, kejadian tersebut tidak harus disembunyikan dan laporan mengenainya perlu dibuat.

"Bagaimanapun... kita kena buat laporan, kita tak boleh nak sembunyi," kata beliau kepada

para pemberita selepas menyaksikan pertunjukan udara *Thunderbirds* di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang, pagi ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah DCA, Datuk Zaludin Sulong pada Jumaat lalu bahawa laporan media massa berhubung kebakaran stesen radar itu telah menjejaskan nama baik DCA.

Selain itu, Zaludin juga mendakwa media massa menyiarkan laporan yang tidak berdasarkan fakta yang benar.

Reaksi Dr. Mahathir berhubung kebakaran itu adalah yang ketiga sejak minggu lalu.

Sebelum ini, beliau pernah melahirkan rasa dukacita berhubung kejadian itu yang merupakan yang ketiga dalam tempoh tiga tahun.

Beliau juga meminta pihak yang bertanggungjawab supaya berhati-hati dan mengambil

■ Lihat muka 2

## PM tunggu laporan

langkah-langkah sewajarnya untuk mengelakkan kejadian seumpama itu berulang pada masa akan datang.

Dr. Mahathir juga kesal kerana beliau hanya mengetahui kejadian kebakaran di stesen radar yang bernilai RM16.5 juta itu menerusi media.

Mengulas mengenai kerekaan syarikat pembekal radar, Thomson-CSF dari Perancis untuk menggantikan semula radar berkenaan, Dr. Mahathir berkata, beliau mengucapkan terima kasih atas kesudian firma berkenaan.

"Saya tidak tahu mengenai perkara itu. Bagaimanapun, saya ucap terima kasihlah," katanya.

Menjawab soalan berhubung desakan DAP supaya Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan sebagai satu tindakan bertanggungjawab atas kejadian berkenaan, beliau memberitahu, memang senang bagi pihak pembangkang untuk mengemukakan permintaan seperti itu.

"Senanglah dia nak cakap. Dia sendiri pun tak bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu di Sintok, Kedah, Ahmad Sarji menegaskan, tindakan akan diambil terhadap kakitangan DCA jika terbukti kecuaiannya mereka menjadi punca kebakaran tersebut.

Bagaimanapun beliau tidak dapat menjangkakan bentuk tindakan itu sehingga laporan siasatan terhadap kebakaran itu selesai.

Ahmad Sarji menegaskan perlantikan seseorang pegawai ke sesuatu jawatan bergantung kepada kelayakan tertentu dan juga pengalamannya yang luas.

"Tentulah apabila terjadi sesuatu, kerajaan perlu mengkaji semula peraturan yang ada tetapi dalam kes ini (kebakaran), saya tidak tahu siapa yang bersalah kerana kita masih menunggu laporan siasatan," katanya.

Beliau berkata, adalah terlalu awal baginya membuat keputusan kerana siasatan belum selesai.

"Kita perlu kesan di mana punca kesalahan, saya tidak

mahu membuat spekulasi," katanya lagi.

Menurut Ahmad Sarji lagi, semangat tanggungjawab pada tugas mesti wujud dalam perkhidmatan awam seperti menguruskan tabung wang kerajaan atau menguruskan kenderaan atau peralatan kerajaan.

"Tanggungjawab pada kerja mesti menjadi budaya dalam perkhidmatan awam, anda mesti bertanggungjawab menguruskan sumber tenaga, anda mesti uruskan kakitangan anda dengan cecap," katanya.

Rasa tanggungjawab perlu menjadi amalan dalam semua lapangan, oleh itu jika didapati mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka, kata Ahmad Sarji.

"Kita juga mengambil tindakan terhadap para pegawai hasil daripada aduan orang ramai kepada Biro Aduan Awam," jelasnya.

kecuaiannya DCA terbukti  
**laporan**